

**FAQ SURAT EDARAN JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 (11) BERTARIKH 30 JUN 2016  
PELEPASAN KHAS DARIPADA BERTUGAS PADA 8 JULAI 2016**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di negeri-negeri yang hari kelepasan mingguannya adalah pada hari Jumaat juga layak diberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat)?	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di negeri-negeri yang hari kelepasan mingguannya pada hari Jumaat tidak layak pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat) kerana hari Jumaat merupakan hari kelepasan mingguan.
2.	Adakah pegawai yang diarahkan bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat) layak membuat tuntutan Bayaran Lebih Masa/Cuti Gantian?	Pelepasan khas daripada bertugas ini <b><u>bukan merupakan hari kelepasan am</u></b> ( <i>public holiday</i> ). Oleh itu pegawai yang diarahkan bertugas pada 8 Julai 2016 oleh Ketua Jabatan adalah layak membuat tuntutan Bayaran Lebih Masa menggunakan kadar hari bekerja biasa atau Cuti Gantian yang mana berkenaan.
3.	Bagaimanakah kedudukan Cuti Rehat pada 8 Julai 2016 yang telah diluluskan?	Sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 6 Julai 2016 dan pegawai diberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat), maka pegawai boleh memohon untuk membatalkan Cuti Rehat yang telah diluluskan pada 8 Julai 2016 melalui Ketua Jabatan masing-masing.